

NOTA AKHIR TAHUN 2020

2020 telah menjadi tahun cabaran, tetapi juga memperlihatkan kemampuan kita untuk mengatasinya. Walaupun kita masih lagi berada di tengah-tengah wabak COVID, Sapulut telah berjaya menempuh masa yang paling sukar berkat kebaikan yang telah kita tunjukkan antara satu sama lain. Dengan vaksin yang dijangka akan tiba tahun hadapan, saya berharap kita dapat meletakkan semua ini di masa lalu tetapi juga berjaya untuk mengharungi dengan lebih keyakinan pada kemampuan kita untuk menghadapi sebarang cabaran yang akan datang.

Penghargaan dan pengiktirafan perlu diberikan kepada Komiti COVID Sapulut. Mengendalikan tanpa sebarang manual arahan tidak pernah semudah itu, lebih-lebih lagi apabila melibatkan nyawa dan kehidupan yang berisiko. Saya sangat menghormati mereka menepikan hasrat mereka sendiri untuk memastikan bahawa pekerja dan keluarga mereka selamat dan membolehkan kita terus beroperasi tanpa kebimbangan besar.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada dua pekerja kita yang telah banyak berjasa kepada Sapulut selama ini. Puan Chian Boon Ching (atau lebih dikenali sebagai Mrs Koh) dari pejabat Tawau akan bersara setelah berkhidmat selama 36 tahun, dan Puan Stephanie Baikan akan bersara setelah berkhidmat sejak Prisma Majujuta. Sekarang semuanya terletak pada kita untuk membina asas yang telah mereka sediakan untuk kita.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Krismas dan Selamat Tahun Baru kepada anda semua. Perlu diingat bahawa perhimpunan besar adalah cara penyebaran COVID yang utama. Jangan memandang rendah akan kerosakan yang boleh diakibatkan oleh virus ini, sila pastikan ahli keluarga anda selamat.



Bryant Wong Pengurus Besar



Bryant Wong

Pengurus Besar, 28 Disember 2020

NILAI-NILA DASAR

- Melakukan perkara yang betul, walaupun tiada sesiapa yang mengetahuinya;
- Cinta dan hormat pada diri sendiri, rakan-rakan dan alam semulajadi;
- Mengiktiraf dan menggalakkan kerja berpasukan, dan tidak pernah mengecewakan ahli-ahli pasukan;
- Peningkatan dan pembaharuan diri dan Sapulut yang berterusan melalui proses latihan dan pembelajaran, dan mempraktikkan "Saya lihat, Saya fikir dan Saya lakukan".
- Disiplin - disiplin diri, pemikiran dan tingkah laku yang berdisiplin;
- Melaksanakan tugas biasa dengan hasil yang luar biasa dan memuaskan;
- Mengetahui peraturan-peraturan, dan tahu bagaimana untuk memecahkannya dengan cara yang betul.
- Cetusan idea adalah mudah tetapi pelaksanaan adalah segala-galanya. Ia memerlukan pasukan untuk menjayakannya.

MATLAMAT

- Memulihkan hutan semulajadi dan menguruskannya secara mampan.
- Hutan semulajadi yang mampan bergantung kepada ketersediaan bekalan alternatif dari kayu hutan perladangan.
- Ketersediaan bekalan dari kayu hutan perladangan bergantung kepada pembangunan kayu hutan perladangan.

JANJI SYARIKAT

Bekalan kayu dari hutan semula jadi dan hutan perladangan yang konsisten, boleh diramal dan mampan.

NOTA DARI EDITOR

Kita kini berada di penghujung tahun 2020 dan Sapulut Newsletter kini berada di tahun keempat penerbitan, edisi ke-18. Sapulut Newsletter telah dimulakan dengan harapan ianya akan menjadi salah satu medium bertulis di antara majikan dan pekerja Sapulut. Selama 4 tahun, kami telah menerima pelbagai artikel yang disumbangkan oleh pekerja dan jabatan yang merangkumi peristiwa-peristiwa penting di Sapulut, aktiviti-aktiviti jabatan yang melibatkan pihak luar dan juga hasil nukilan daripada para pekerja. Tidak juga dilupakan sokongan dan sumbangan artikel daripada pihak MDO.

Kami sangat bersyukur dan menghargai setiap artikel tersebut yang memberikan kita banyak perkara untuk difikirkan dan memberi kita gambaran/idea berkenaan dengan suasana di Sapulut dan budaya yang ada. Melalui artikel-artikel tersebut, kita telah berkongsi banyak kenangan yang hebat, sedih, gembira dan bermakna selama 4 tahun. Kita bukan sahaja menyaksikan perkembangan syarikat tetapi juga diri kita yang merupakan intipati utama dalam syarikat melalui buletin ini.

Kita semua tahu sekarang, sejajar dengan kemajuan teknologi, secara dalaman Sapulut Newsletter boleh dilihat, dibaca dan dimuat turun dalam format PDF di dalam Sapulut Sharepoint Microsoft Team untuk Newsletter seperti pada pautan di bawah:

<https://sapulutforestdevelopment.sharepoint.com/sites/SapulutCorporateNewsletter>

Dengan ini, kami mengucapkan selamat tinggal kepada tahun 2020 dan selamat tahun baru 2021. Kami berharap buletin ini akan terus berkembang dan memberi inspirasi kepada semua. Terima kasih, kekal selamat dan sihat.

*Happy
New Year*

CERITA SEKOLAH BINATANG

oleh George Reavis

Pada suatu masa dahulu, binatang-binatang memutuskan bahawa mereka mesti melakukan sesuatu yang berani untuk menghadapi masalah "dunia baru", jadi mereka telah menubuhkan sebuah sekolah.

Mereka telah menerima pakai kegiatan kurikulum yang terdiri dari berlari, mendaki, berenang dan terbang. Bagi memudahkan untuk mentadbir kurikulum, semua haiwan mengambil semua mata pelajaran tersebut.

Itik hebat dalam kurikulum berenang dan ia sebenarnya, lebih baik daripada pengajarnya.

Tetapi dia hanya memperoleh nilai lulus dalam kurikulum penerbangan dan sangat lemah dalam kurikulum berlari. Oleh kerana dia lambat berlari, dia harus tinggal di sekolah setelah kurikulum hari tersebut tamat dan juga berhenti berenang untuk berlatih berlari. Ini dipraktikkan olehnya sehingga kaki jaringnya rosak dan dia hanya mencapai purata prestasi dalam kurikulum berenang. Akan tetapi, prestasi yang bersifat purata diterima oleh sekolah dan tidak ada siapa-siapa yang risau perkara tersebut kecuali si Itik.

Arnab bermula di tangga pencapaian teratas kelas dalam kurikulum berlari tetapi mengalami kegelisahan melampau kerana menjalani banyak latihan untuk kurikulum berenang.

Tupai pula hebat dalam kurikulum mendaki sehingga dia mengalami kekecewaan di dalam kelas kurikulum terbang di mana gurunya mengajarnya bermula terbang dari tanah ke langit dan bukannya di puncak pohon ke bawah. Dia juga mengalami kekejangan otot kerana terlalu banyak menggunakan tenaga dan kemudian mendapat C dalam kurikulum mendaki dan D dalam kurikulum berlari.

Helang adalah anak yang bermasalah dan telah di disiplin dengan teruk. Di kelas kurikulum mendaki, dia mengalahkan yang lain ke puncak pokok tetapi berkeras menggunakan cara sendiri untuk sampai ke sana.

Pada akhir tahun ini, belut yang tidak normal yang dapat berenang dengan sangat baik dan juga berlari, memanjat, dan terbang sedikit memiliki purata markah tertinggi dan di pilih sebagai wakil pelajar untuk berucap dalam sesi graduasi binatang-binatang tersebut.

Anjing-anjing di padang rumput itu tidak lagi bersekolah dan menentang pungutan cukai kerana pihak pentadbiran sekolah tidak mahu menambah penggalan dalam kurikulum. Mereka memberi anak-anak mereka dilatih oleh *badger* dan seterusnya mereka menyertai landak dan *gophers* untuk memulakan sekolah swasta yang berjaya.

Adakah cerita ini mempunyai pengajaran moral? Apakah pengajaran yang anda tangkap daripada cerita tersebut?


Biarkanlah Itik berenang, Biarkanlah Arnab berlari. Biarkanlah Helang terbang. Kita tidak mahu sekolah yang mempunyai Itik-Itik yang berprestasi purata sahaja.

Bermainlah dengan kekuatan kamu. Jika kamu tidak menggunakan bakat kamu, lambat laun, kamu akan kehilangan bakat kamu.

Jika kamu membangunkan kekuatan kamu dengan cukup, kelemahan kamu akan menjadi tidak relevan sudah.

Terdapat godaan besar untuk memperbaiki diri kita atau orang lain dengan meluangkan masa untuk memperbaiki tempat yang kita boleh baik. Sebaliknya, kita perlu fokus kepada bagaimana kekuatan anda dapat membawa anda ke tempat yang harus anda tuju.

Kekuatan anda diperlukan di sesuatu tempat. Bagaimana kamu hendak mencarinya? Buatlah pasukan dengan orang yang bagus di kawasan kelemahan anda dan kuatkanlah pasukan tersebut.



Kenangan gambar terakhir bersama dengan Peter Philip, Yambranny Akoi dan Mdm Stephanie Baikan di Kem Sapulut.

Kita doakan kepada Peter dan Yambranny semua yang terbaik dalam masa depan mereka dan selamat bersara kepada Mdm.Stephanie.

Diharap persahabatan yang dibina di Sapulut akan kekal selamanya.

Terima kasih atas usaha dan sumbangan anda kepada Sapulut.

KATA-KATA MOTIVASI DAN INSPIRASI

By Stephanie Baikan

Does fear has us paralyzed?

Are we afraid to take risks and explore new ventures?

Have we become convinced that success comes easily to others but eludes us?

Has adversity driven us to the point of giving up?

Why do some people grow despondent and quit while others refuse to let tough times defeat them?

How can we get up when we have been knocked down?

What can we do when all seems lost?

Why is it that some people manage to turn their problems into possibilities?

Some seem to grow through tough times, learn from them and overcome overwhelming odds to step back on the path of success, happiness and hope.

When we do not feel we can run another step, fight another round or play another quarter, we need to build new dreams from the ashes of defeat.

Our failure is not fatal, our defeat is not final.

Our problem has a limited life span.

So let's go ahead and get up. Dust ourselves off.

There is STAYING POWER on the inside of us and it's too soon to quit.

Failure is never final and success is never-ending. Success is a journey not a destination.

We all can accept failure as everyone fails at something but we cannot accept failure to try.

So go as far as you can see and when you get there, you will see farther.



Sumbangan Karya Oleh : Logiman J. Gamad

PERLAWANAN PERSAHABATAN BOLA SEPAK

Sapulut mengalu-alukan Pegawai Hutan Daerah Tibow (DFO) yang baru, Encik Jaime Gampawi dengan mengadakan perlawanan persahabatan bola sepak pada 16 Disember 2020 yang lalu bertempat di padang bola FD Tibow.

Memenangi perlawanan adalah perkara kedua, kerana bagi kami perkara utama adalah untuk mengeratkan hubungan antara Sapulut dan FD Tibow di bawah kepimpinan DFO yang baru dan salah satunya adalah melalui sukan seperti ini.

Kami berharap dengan kedatangan DFO yang baru, persefahaman dan kerjasama antara 2 agensi akan bertambah baik berhubung dengan operasi Sapulut. Wisel ditiup untuk menandakan perlawanan telah berakhir dan Sapulut memenangi dengan mata **3-0**. Kudos kepada pasukan!



MAKAN MALAM HARI NATAL 2020

Oleh Anastasha A. Junigo (TLC)

Ianya bermula dengan barbeku kecil di kuarters semi-D dan sebilangan kecil daripada kami berkumpul ketika petang beransur malam. Kadang-kadang semasa berbual kosong, topik Krismas tiba-tiba muncul dan idea untuk mengadakan acara makan malam, untuk memperingati tahun yang diakui hambar akibat wabak Covid, terungkap.

Tentu saja ianya tidak lancar ketika merancang acara itu. Dapat difahami bahawa dengan keadaan semasa beberapa keraguan dilontarkan kepada kami mengenai bagaimana kami boleh berfikir untuk mengadakan acara sosial tersebut. Bagaimana kita dapat menjamin keselamatan peserta makan malam? Adakah pekerja mahu hadir? Itulah beberapa masalah yang harus kami pertimbangkan. Setelah berunding dengan Jawatankuasa Covid Sapulut, kami akhirnya memutuskan bahawa ianya selamat untuk meneruskan acara dengan menjadikannya eksklusif untuk pekerja Kem Sapulut.

Mendekati tanggal yang ditetapkan untuk acara itu, bunyian alat muzik kugiran dan lagu-lagu Krismas berkumandang di udara malam yang dingin. Sebuah paduan suara yang rendah hati terdiri daripada pekerja Sapulut dari pelbagai jabatan berlatih dengan kugiran untuk mempersembahkan lagu-lagu Krismas dalam pelbagai bahasa.

Apabila hari acara tersebut akhirnya tiba pada 18 Disember, kira-kira 100 orang dari kompleks perhutanan dan CS datang ke dewan terbuka. Pengacara pada malam itu, Joulin, mengalu-alukan semua yang hadir dan menjemput Fredolin untuk membaca doa. Encik Teddy kemudiannya menyampaikan ucapan ringkas dan berterima kasi kepada semua orang yang telah berusaha dalam menjayakan acara makan malam itu dan seterusnya merasmikan Makan Malam Krismas 2020. Selepas persembahan koir, para hadirin menikmati makanan yang tersedia sambil menikmati persembahan video yang disusun oleh Josnidie. Video tersebut mengulas tahun 2020 sebagai tahun yang menyaksikan perubahan besar, kegigihan dan kenangan indah walaupun terdapat banyak kesulitan.

Para hadirin juga berpeluang untuk memenangi cabutan bertuah berupa hamper dan hadiah. Adalah sangat membanggakan untuk mengakui bahawa pekerja dari pelbagai lapisan bangsa dan agama dapat berkumpul bersama secara harmoni untuk merayakan acara makan malam ini tanpa prasangka yang sering kita hadapi sepanjang tahun ini terutama di media sosial. Ini adalah contoh baik tentang bagaimana kesatuan, rasa hormat dan persefahaman adalah sifat semula jadi Sapulut.

Daripada kami semua di sini, Selamat Hari Krismas! Selamat Bercuti! Selamat Tahun Baru!

